

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 2 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0055
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan pelancong luar negara seperti dari China dan Korea yang tidak faham Bahasa Inggeris dan Malaysia agar disalurkan ke tempat yang sewajarnya dan tidak sesat ke tempat lain setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa khususnya di waktu malam kerana baru-baru ini dua orang pelancong Taiwan telah terlepas keluar tanpa melalui pemeriksaan imigresen dan telah ditangkap dan dihantar ke Rumah Merah. Apakah tindakan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.
2. PR-1411-MQT0049
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
 - (a) apakah jumlah perbelanjaan akumulatif Program Latihan Khidmat Negara yang dimulakan pada tahun 2003 dan apakah hasilnya ; dan
 - (b) halatuju baru program berkenaan untuk memenuhi keperluan strategi baru pertahanan negara.
3. PR-1411-MQT0052
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos terlibat dengan mengupah Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. sebagai Project Delivery Partner (PDP) untuk pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan apakah status pembinaan mengikut pakej kerja.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 2 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00705
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan harga gula. Nyatakan sama ada Kementerian sedia mengeluarkan lebih Permit Import (AP) kepada syarikat-syarikat pengimport gula supaya harga gula dapat diturunkan sehingga kadar RM1.50 sekilo atau ke suatu kadar yang lebih rendah.
2. PR-1411-L00358
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah jumlah pakar perubatan dan pakar bedah bagi mengelakkan pesakit daripada menunggu dan menanggung kesakitan dalam tempoh yang lama sebelum bertemu dengan pakar.
3. PR-1411-L00175
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan kedudukan prestasi kewangan TEKUN terkini terutamanya jumlah pinjaman bayaran balik tertunggak sehingga kini dan apakah perancangan serta tindakan Kementerian untuk menangani isu ini.

4. PR-1411-L01067
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang menurunkan yuran pengajian di Institut Latihan Perindustrian (ILP) agar dapat mengurangkan bebanan pelajar.
5. PR-1411-L00289
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana tekad manifesto untuk menurunkan harga dan meningkatkan kelajuan internet boleh dicapai menerusi kerangka *Mandatory Standard Access Pricing*, selain membuka ruang infrastruktur internet untuk persaingan dan bukan dimonopoli oleh TM sahaja.
6. PR-1411-L00914
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membantu masyarakat Dayak secara lebih proaktif, fokus dan dengan '*outcome based achievement*' bagi mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan dan juga dapat mengambil bahagian yang bermakna dalam bidang industri dan perniagaan. Ini memandangkan masyarakat Dayak masih jauh ketinggalan dari segi tahap kemajuan kehidupan mereka berbanding dengan masyarakat Melayu di negara kita ini.
7. PR-1411-L00508
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status perlaksanaan Stage Bus Services Transformation (SBST) di Kuching. Nyatakan jangka masa tarikh perlaksanaan, pelan terkini serta terperinci, syarikat-syarikat yang terlibat dan peranan setiap syarikat tersebut termasuk jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak.
8. PR-1411-L00324
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kedudukan terkini Lebuhraya Kelantan dan apakah kesemua fasa lebuhraya akan dibina secepat mungkin dan adakah pembinaan lebuhraya nanti akan menjadikan tempoh perjalanan ke Kelantan akan lebih cepat dan selamat.

9. PR-1411-L00409
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dijalankan oleh Kementerian hingga sekarang bagi memastikan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan/Poliklinik Julau yang telah diluluskan oleh Kerajaan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Bilakah tarikh projek Pembinaan Klinik Kesihatan/Poliklinik Julau akan dimulakan .
10. PR-1411-L00472
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian membina sebuah sekolah baru (sekolah kelompok) untuk menggantikan sekolah-sekolah di sepanjang batang Sungai Limbang yang kerap dilanda banjir hingga menjejaskan persekolahan murid-murid.
11. PR-1411-L00550
Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang mendapat mencapai keputusan 8A dan ke atas serta berikan jumlah pelajar yang telah ditawarkan tempat di IPTA dan daripada jumlah ini berapakah yang ditaja dan bukan ditaja.
12. PR-1411-L01060
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah banyak *backlog* permohonan-permohonan di Medical Device Authority (MDA) (Pihak Berkuasa Peranti Perubatan) di Kementerian Kesihatan dan apakah KPI tempoh masa MDA memberi jawapan lulus atau gagal kepada para pemohon.
13. PR-1411-L01037
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai niat untuk mengintegrasikan perkhidmatan yang disediakan oleh Puspakom ke bahagian Jabatan Pengangkutan Jalan (seperti sebelumnya) atau membiarkan syarikat lain untuk memberikan perkhidmatan yang sama supaya Puspakom tidak akan memonopoli seluruh peniaga.
14. PR-1411-L00612
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada PTPTN akan menghapuskan bayaran pentadbiran (*admin fees*) yang dikenakan ke atas pemiutang yang mana mereka menuntut ini hanya dibayar selepas pemiutang mendapat kerja gaji tetap. Adakah Kerajaan akan menghapuskan syarat pemiutang yang dimasukkan ke senarai CCRIS seperti yang dicadangkan selama ini.

15. PR-1411-L00094
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Hospital Sri Aman yang terlewat jadual. Apakah langkah proaktif Kementerian untuk mengatasi masalah terlewat jadual tersebut.
16. PR-1411-L00020
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan dan langkah Kerajaan khususnya Kementerian untuk menggerakkan dan melibatkan generasi muda bagi membangunkan negara melalui pelbagai sektor seperti pendidikan, ekonomi, keusahawanan dan kemasyarakatan.
17. PR-1411-L01293
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan kini akan menyiasat dakwaan berhubung aset bernilai RM230 juta yang dimiliki oleh Datuk Seri Zahid Hamidi.
18. PR-1411-L00480
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan setakat mana perancangan untuk membekalkan bekalan air luar ke kawasan Hilir Skrang, Hilir Engkilili, Rasau, Ng. Kumpang, Danau, Kanadis, Kumpang Langgir, Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai.
19. PR-1411-L00554
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan anggaran rakyat Malaysia yang mengalami berbagai peringkat kemurungan dan penyakit mental, sebab-sebab utama puncanya dan strategi-strategi untuk meningkatkan kesihatan mental rakyat.
20. PR-1411-L00084
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) sama ada Kementerian akan melarang pelantikan politik Ahli-ahli Parlimen ke Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan; dan
 - (b) sama ada pelantikan ketua-ketua bagi syarikat-syarikat tersebut akan tertakluk kepada proses pemeriksaan oleh Parlimen.

21. PR-1411-L01286
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan satu laporan mengenai pelucutan perlantikan politik di Kerajaan berikutan dengan perubahan Kerajaan di Putrajaya pada PRU14.
22. PR-1411-L01114
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah pemulihan segera Kerajaan terhadap kerugian pelaburan hampir RM6 bilion yang dialami Kumpulan Wang Simpanan Pekerja selepas peralihan Kerajaan; dan
 - (b) sejauh manakah kerugian ini akan menjejaskan pulangan dividen untuk pencarum.
23. PR-1411-L01344
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) ke manakah hala tuju arah perhubungan diplomatik Malaysia dengan Singapura yang akan datang ; dan
 - (b) adakah Kerajaan baru akan meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan sebelum ini.
24. PR-1411-L00149
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) adakah SPAD masih menjalankan kerja-kerja seperti dahulu walaupun pengumuman dibuat, SPAD dimansuhkan ; dan
 - (b) bila Akta yang menubuhkan SPAD akan dimansuhkan dan berapa pegawai dan kakitangan SPAD yang terlibat bila SPAD dimansuhkan.
25. PR-1411-L01018
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hubungan dua negara antara Malaysia dengan China akan terjejas memandangkan banyak projek melibatkan syarikat dari negara itu di negara ini yang dibatalkan oleh Kerajaan.

26. PR-1411-L00405
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah khusus yang akan diambil untuk memastikan kesemua perakuan dalam Perjanjian Malaysia 1963 dilaksanakan sepenuhnya.
27. PR-1411-L00116
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah pembinaan balai bomba di Pekan Belaga dan di Pekan Sungai Asap, Belaga dapat dibina.
28. PR-1411-L00202
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Hospital Besut akan dinaikkan taraf sebagai hospital pakar, memandangkan jarak hospital pakar berdekatan terletak di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Kelantan.
29. PR-1411-L00364
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian pecahan hutang negara yang dinyatakan mencecah RM1 trilion oleh Kerajaan baru-baru ini serta langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan hutang tersebut.
30. PR-1411-L01306
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapakah klinik veterinar Kerajaan di Sibu tidak lagi berfungsi. Apakah rancangan untuk membaik pulih klinik veterinar tersebut. Adakah apa-apa pelan untuk menubuhkan pusat simpanan haiwan mengembara.
31. PR-1411-L00665
Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan-rancangan Kementerian dalam mewujudkan suatu masyarakat penyayang dalam membina pusat-pusat jagaan harian (*day care centres*) bagi golongan warga emas dan OKU yang tinggal berseorangan dan tanpa jagaan sepenuh masa oleh ahli-ahli keluarga.

32. PR-1411-L00700
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Hospital Bau sejak tahun 2013 kerana terlalu banyak kekurangan dari segi kemudahan dan alat perubatan bagi memenuhi keperluan hospital.
33. PR-1411-L00666
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah projek-projek bekalan air bersih yang telah diluluskan peruntukannya oleh Kerajaan terdahulu sebanyak RM45 juta dan RM25 juta di Parlimen Beaufort akan dilaksanakan.
34. PR-1411-L01164
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memanfaatkan tenaga pakar yang berkelulusan tinggi seperti pemegang ijazah sarjana (Master) dan kedoktoran falsafah (PhD).
35. PR-1411-L00209
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan untuk menyemak semula skim perkhidmatan anggota polis, tentera dan bomba dari segi tangga gaji, imbuhan dan kemudahan yang disediakan memandangkan khidmat mereka menjangkau masa dan tempat.
36. PR-1411-L00649
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan supaya menyegerakan pembesaran dan naik taraf Hospital Pontian yang telah dipohon dan dipersetujui oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bilakah ia akan dimulakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Berapa anggaran kos dan nyatakan perkara-perkara yang terlibat seperti jumlah katil dan jenis wad.
37. PR-1411-L00125
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan alternatif Kementerian dalam meningkatkan kecekapan jaringan pengangkutan awam setelah membatalkan beberapa projek mega yang telah dirancang dan dirangka sebelum ini.

38. PR-1411-L00957

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan semua hospital Kerajaan yang mempunyai mesin MRI dan CT-Scan yang berfungsi dan rosak dan adakah Kementerian berhasrat untuk membekalkan semua hospital Kerajaan terutama sekali di kawasan pedalaman mesin-mesin ini untuk menjimatkan masa kes-kes kritikal mendapat rawatan yang sewajarnya.

39. PR-1411-L00264

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk melaksanakan pilihan raya pihak berkuasa tempatan dan adakah kajian telah dilakukan oleh pihak Kementerian mengenai hal ini.

40. PR-1411-L00734

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu RUU "Ahli Lompat Parti" yang tidak membenarkan Ahli YB yang melompat parti bagi bertanding semula bagi menjaga kepentingan rakyat yang telah memilihnya melalui parti asal.

41. PR-1411-L00083

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan susulan daripada kempen 'Turunkan Harga Minyak' yang dilakukan oleh Pakatan Harapan dahulu, apakah mekanisme yang boleh digunapakai pada masa ini untuk menurunkan harga minyak dan memastikannya kekal stabil.

42. PR-1411-L00547

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula Seksyen 9(5) dan lain-lain seksyen tertentu dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 yang didapati bercanggah dengan Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan bersuara dan berhimpun.

43. PR-1411-L01187

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pejabat Penggubal Undang-undang Parlimen yang bebas daripada Jabatan Peguam Negara menurut Akta yang digubal oleh Parlimen bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) sebagai Penasihat Undang-undang kepada Kerajaan sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

44. PR-1411-L01108
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sektor utama yang menyumbang kepada pendapatan negara beserta pecahan jumlahnya dan apakah rancangan Kementerian bagi mempelbagaikan sumber pendapatan.
45. PR-1411-L00931
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah keuntungan kepada Kerajaan hasil daripada penyiaran World Cup di RTM1 baru-baru ini.
46. PR-1411-L00158
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah rancangan atau inisiatif Kementerian untuk mengawal harga barangan agar tidak membebankan rakyat. Adakah benar penyelarasan GST sifar peratus telah menurunkan harga barangan di pasaran.
47. PR-1411-L00925
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan meluaskan kawasan kawalan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) ke kawasan-kawasan lain yang berisiko dicerobohi termasuk di kawasan kepulauan Beting Patinggi Ali yang terletak di dalam Kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia.
48. PR-1411-L01294
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyiasat dakwaan skandal berjumlah RM100 juta membabitkan Kementerian Belia dan Sukan terdahulu yang mana diketuai oleh Menteri Belia dan Sukan terdahulu, YB Khairy Jamaluddin.
49. PR-1411-L00655
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pendirian Menteri berkenaan skandal yang melibatkan unsur jenayah penjualan dua unit Submarine Scorpene oleh Perancis kepada Malaysia memandangkan ada pihak yang disabit di Mahkamah di Perancis. Apakah tindakan selanjutnya oleh Pihak Berkuasa Malaysia.

50. PR-1411-L01328
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan review status Petroleum Development Act 1974 (PDA74) memandangkan ia satu akta yang tidak bersahih melanggar Perlembagaan dan yang tidak adil kepada Sabah dan negeri-negeri pengeluar petroleum sama seperti Kerajaan Persekutuan meminta negara Singapura *review* Perjanjian Bekalan Air 1962 dengan Singapura yang tidak adil.
51. PR-1411-L00275
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan keterlibatan pusat-pusat hiburan di Kuala Lumpur dengan kegiatan haram, jenayah dan maksiat serta menjelaskan usaha bagi menanganinya.
52. PR-1411-L00897
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha untuk mendapatkan kembali dana yang telah disalahgunakan dalam skandal Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) dan juga sama ada tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dengan skandal tersebut.
53. PR-1411-L00605
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi membendung ubat-ubatan tiruan yang terdapat di pasaran.
54. PR-1411-L00310
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah tindakan di pihak Kementerian mengenai nasib pekerja yang dibuang kerja tetapi masih belum dibayar pampasan.
55. PR-1411-L01202
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah UiTM akan memberi kemudahan percuma kepada pelajar-pelajar dari segi kolej penginapan dan makan-minum terutamanya kepada pelajar yang tidak mampu sesuai dengan matlamat penubuhannya.

56. PR-1411-L00752
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mengarahkan supaya hukuman susulan daripada tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas 10 orang pelajar IPTA yang mempersoalkan isu 1MDB sejak tahun 2016 ditarik balik. Pelajar-pelajar tersebut termasuk Anis Syafiqah, Muhammad Luqman Hakim, Suhail Wan Azhar, Asheeq Ali, Ahmad Ariffin, Ho Chi Yang, Tan Jia You, Lai Li Yang dan Chuan Hun Ti.
57. PR-1411-L00787
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada masa kini mengikut negeri dan kategori (kawasan bandar dan kawasan perladangan). Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menaik taraf sekolah-sekolah Tamil setaraf dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang lain.
58. PR-1411-L01030
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) berapakah tempoh hak penyiaran satelit yang telah diberikan kepada Measat Broadcast Network Systems (Malaysia); dan
 - (b) adakah Kerajaan telah membuka lesen baru kepada syarikat-syarikat lain bagi mengelak monopoli dalam penyiaran satelit.
59. PR-1411-L01073
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan hubungan dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan baharu dan Kerajaan Negeri Sabah dalam perkara kesihatan sedangkan Kerajaan Sabah telah menubuhkan Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat di peringkat negeri.
60. PR-1411-L00699
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penyiasatan kes pembelian Submarine Scorpene oleh Perancis. Nyatakan kedudukan terkini atas siasatan oleh pihak penguat kuasa Perancis dalam kes pembelian Submarine Scorpene.

61. PR-1411-L00385
Tuan Ali bin Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan dengan statistik jumlah pelajar berketurunan dayak yang telah berjaya memasuki Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.
62. PR-1411-L00648
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Jawatankuasa Pilihan Khas yang baru untuk isu LYNAS akan ditubuhkan.
63. PR-1411-L01292
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kes kematian Teoh Beng Hock akan dibuka dan disiasat semula dan sekiranya ya, bilakah ia akan dibuat.
64. PR-1411-L00703
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peletakan jawatan CEOs/Pengarah Urusan GLCs atau "*Government-linked Investment Companies*". Nyata bilangan CEOs/Pengarah Urusan yang telah meletakkan jawatan atau akan meletakkan jawatan, nama-nama CEOs/Pengarah Urusan dan nama syarikat GLCs atau "*Government-linked Investment Companies*" yang berkenaan.
65. PR-1411-L01395
Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kaedah pengiraan statistik kedatangan pelancong di Perak hanya dikira mengikut statistik daripada Lapangan Terbang Ipoh sahaja. Apakah langkah-langkah yang akan diambil kira Kementerian Pelancongan dalam pengiraan statistik yang lebih tepat bagi pengurusan pelancongan yang lebih mampan.
66. PR-1411-L01405
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) pencapaian Kementerian menurunkan harga produk Pertanian dalam tempoh yang singkat; dan
 - (b) dengan terperinci rancangan rasionalisasi dalam industri padi dan beras negara.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (1 Ogos, 2018)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 9/2018) | Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R.10/2018) | Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R.11/2018) | Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 5. | (D.R.12/2018) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 6. | (D.R.13/2018) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

7. PR-1411-U(27)003

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1411-U(27)004

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

9. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

10. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

11. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1411-U(27)008

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

13. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

15. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 02.08.2018 (Khamis)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Isu Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Di Jalan Kemunyang, Sibu	1. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2. 02.08.2018 (Khamis)	2. YB Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)	2. Fenomena Musim Tengkujuh	2. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**